

Vol 2, No 1 (2022)

International TVET Academic and Research Symposium ITARS (2022)

Excellence in TVET and Entrepreneurship

ITARS
2022

Organiser:



PUSPANITA CAWANGAN KECIL JPPKK

Co-organiser and Publisher:



PERSATUAN KEDOKTORAN TEKNIKAL MALAYSIA
MALYSIAN TECHNICAL DOCTORATE ASSOCIATION

e ISBN 978-967-18231-1-8



9 789671 823118

This is academic work. Names, characters, places and incidents either are the product of article authors' imagination or were used in relation to article authors' work with granted permission prior to publication. Other than that, any resemblance to actual persons, living or dead, or events is entirely coincidental.

Copyright @ 2022 PKTM

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, distributed, or transmitted in any form or by any means, including photocopying, recording, or other electronic or mechanical methods, without the prior written permission of the publisher, except in the case of brief quotations embodied in critical reviews and certain other noncommercial uses permitted by copyright law. For permission requests, write to the publisher, addressed "Attention: Permissions Coordinator" at the address below.

ISBN 978-967-18231-1-8 (e-book)

Front cover image by PKTM

e-book design by PKTM

First e-book edition July 2020

Second e-book edition April 2022

Persatuan Kedokteran Teknikal Malaysia (PKTM)

No 64, Persiaran Wira Jaya Barat 40,

Taman Ipoh Jaya Timur 1, 31350 Ipoh,

Perak.

<http://www.pktm.org>

MTDA PRESIDENT PREFACE

Praise to Allah s.w.t for His gracious and mercy that this conference is able to be executed with full blessing from Him. The conference assembles the academicians from engineering, technology and social science backgrounds to exchange and share their experiences and research results and discuss the practical challenges encountered and the solutions adopted. It is our pleasure to welcome all delegates to the International TVET Academic and Research Symposium (ITARS) 2022.

ITARC 2022 is held with the theme Excellent in TVET and Entrepreneurship on 26th February 2022 through online basis. It is a collaborative effort between PUSPANITA Cawangan Kecil JPPKK and Malaysian Technical Doctorate Association (MTDA).

The program consists of invited sessions, and parallel presentations covering a wide range of topics in engineering, technology, education, business and social sciences. It also provides all attendees with the opportunities to meet and interact with one another and gains good knowledge and experiences from the presentations.

This booklet covers the compilation of all abstracts from the participants. The various themes of papers presented in this symposium are dedicated to reflect good quality research outputs based on the emerging conference theme that portrays a new era in TVET and entrepreneurship future endeavour.

The committee would like to humbly thank all presenters, participants, and reviewers who have shown a very good spirits in sharing innovative ideas in their expert areas. We also would like to express our gratitude for the overwhelming support given by the Director General of Polytechnic and Community College Department, Ministry of Education Malaysia cum the Chairman of PUSPANITA Cawangan Kecil JPPKK and the working committee in assuring the success accomplishment of this symposium.

Wishing the best and enjoyable academic and social gathering to all delegates of ITARS 2022 and look forward to seeing you all in next event.

Ir. Dr. Mohamad Tarmizi b Abu Seman

President

Malaysian Technical Doctorate Association (MTDA)

26th February 2022

CHAIRMAN of PUSPANITA CAWANGAN KECIL JPPKK PREFACE

First and foremost, let us all express the highest gratitude to Allah swt for His generosity and blessings towards the ITARS 2022 Seminar to be organised. On behalf of the JPPKK, I want to congratulate those involved directly and indirectly in organising ITARS 2022 especially the team from PUSPANITA itself and the Malaysian Technical Doctorate Association (MTDA).

The implementation of ITARS 2022 is the collaboration between PUSPANITA JPPKK and MTDA which aims to conduct excellent research to enhance the education services in various field of study while contributing to the development academic capacity.

It is my hope that everyone will benefit from the implementation of ITARS 2020 symposium in terms of knowledge, skills, economic improvement and more for mutual ease. It is also hope to provide opportunities for students, faculty, and researchers and all through ITARS 2022 as a forum for discussion and sharing of knowledge, experience and skills. It is my anticipation that this kind of scientific activity will continue from time to time in various fields of knowledge and skills.

Thank You

To. Zainab Bt Ahmad

Chairman

PUSPANITA Cawangan Kecil JPPKK

26th February 2022

EDITORIAL BOARD

Advisors

- Ts. Zainab Bin Ahmad (Director General of JPPKK)
Tn. Hj. Mohd Fisal Bin Haroon (Director of PUO)
Ir. Dr. Mohamad Tarmizi Bin Abu Seman (President of PKTM)

Chief Editors

- Dr. Rokimah Mohamad (PKTM)
Dr. Mas Nordiana Binti Hj Rusli (PMU/PKTM)
Ts Dr. Norani Binti Abd Karim (PSA/PKTM)

Editorial Team

- Dr. Siti Rosminah Binti Md Derus (PSIS/PKTM)
Dr. Normala Binti Rahmat (PSIS/PKTM)
Dr. Nur Adilla Binti Kasim (PMU/PKTM)
Mohd Aly Rajaie Bin Halim (PMU)
Izan Fahmee Binti Nordin (PMU)
Abdul Rahman Bin Mat Abu (PMU)
Dr. Sharifah Rahifa Binti Syed Mustafa (PMKL)
Dr. Halim Bin Hj. Razali (UKM/PKTM)
Dr. Hj. Hasnim Bin Harun (PUO/PKTM)
Dr. Abu Zarrin Bin Hj. Selamat (UPSI/PTKM)

Manuscript Coordinators

- Ts. Dr. Norani Binti Abd Karim (PSA) - *Engineering & Technology*
Dr. Annafatmawaty Binti Ismail (PSS) - *Education & TVET*
Dr. Ahmad Fkrudin Bin Mohamed Yusoff (PUO) - *Science Social*
Dr. Mazlina Binti Jamaludin (PSIS) - *Environmental Science/ICT & Multimedia/Tourism & Hospitality*
Dr. Narizan Binti Abdullah (PNS) - *Business & Management*

TABLE OF CONTENT

MTDA President Preface	ii
Chairman of Puspanita Cawangan Kecil JPPKK Preface	iii
Editorial Board	iv

MANUSCRIPTS

ENGINEERING AND TECHNOLOGY

ET04	10-13
Penapis Boleh Laras Serbaguna <i>Mohd Azri bin Abdul Ghani</i>	
ET09	14-21
Setting Out Computation App Development <i>Pang Siow Juen, Tiong Hua Sang and Lee Kong Fah</i>	
ET17	22-30
Kajian Kualiti Pasir dalam Industri Pembinaan di Kelantan <i>Zeham bin Mustapha, Zamri bin Mat dan Asmawi bin Muhammad</i>	
ET25	31-37
Keberkesanan Penggunaan Inovasi <i>Mini Portable Thermoforming Machine</i> Untuk Pembelajaran Dan Pengajaran : Satu Tinjauan Terhadap Kursus DJF41032 – <i>Manufacturing Workshop 3</i> <i>Hairul Haya binti Mohd Zin and Norfidah binti Jaharudin</i>	
ET28	38-47
Kajian Pematuhan Amalan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Di Bengkel Amali – Di Kolej Komuniti Wilayah Melaka <i>Ts Norashikin bt Hj Samuri</i>	
ET43	48-52
Application of IoT for Insect Prevention In Cucumber Growth <i>Md Razak Bin Daud, Shukri Bin Zakaria, Mohd Iqbal Syazwan Bin Azizan, Wan Nor Shela Ezwane Binti Wan Jusoh</i>	
ET69	53-58
Papan Komposit Batang Kelapa Sawit <i>Salim Bin Bachok, Amran Bin Awang @ Muda and Nor Hisham Bin Suhadi</i>	

ET82	59-69
Merekabentuk MultiLock Carrier <i>Mohd Ridhuan bin Ismail</i>	

EDUCATION AND TVET

ED05	70-77
Penggunaan Inovasi SWIUN PLORR Dalam Kalangan Penasihat Akademik <i>Mohd Azuan bin Ali, Muziah Binti Muhammad, Noorbeha binti Jamaluddin</i>	
ED16	78-84
Kebolegunaan Aplikasi Mudah Alih Bagi Kursus <i>Mathematical Computing (Maths Comp - Kit)</i> Di PSMZA <i>Nurul Adani Binti Haron</i>	
ED22	85-88
TVET Education in the 21st Century: Care, Connection and Community <i>Nor Aini Abdul Rahman, Juliana Jelani and Nurlisa Sarah Mohammad Azmi</i>	
ED29	89-97
Kajian Kepuasan Pelajar Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Dalam Talian (PdPt) Semasa Pandemik COVID-19 <i>Jusma Binti Jaafar Dan Manisah Binti Mohamad</i>	
ED32	98-104
Persepsi Pelajar Terhadap Bengkel <i>Day Of Mathematics (Do-Maths)</i> Program Diploma Kejuruteraan Semester 3 PSMZA <i>Nurul Adani Binti Haron</i>	
ED38	105-111
Sikap Personal Peserta Ternakan Kelulut terhadap Kecenderungan Keusahawanan <i>Rosmanizah Derahman, Nurul Fathiah Sufiah binti Mohd Najhan dan Shufiah binti Mustapa</i>	
ED43	112-117
The Role of TVET Education in Promoting Sustainable Development in Malaysia <i>Nor Aini Abdul Rahman</i>	
ED44	118-121
Effectiveness Of Web-Based Assessments <i>Muthualagan Thangavelu, Nor Aini Abdul Rahman, Amanpreet Kaur and Pavinder Kaur</i>	
ED46	122-130

Penggunaan Material Testing Virtual Lab Video 360 Pengajaran dan Pembelajaran
Surniza Mohd Hilmin, Norfidah Jaharudin and Hairul Haya Mohd Zin

ED54 131-140

Kajian Aplikasi Inovasi Basic Electrical See Through Trainer Sebagai ABBM Dengan Tahap Kemahiran Pelajar Semester 1
Dalam Amali Kursus Teknologi Elektrik (DET 10013) di JKE POLISAS
Hafiza Binti Nyak Harun, Lian Ai Fang, Adilah Binti Monel

ED59 141-145

Keupayaan Teknik StarPacct Memudahkan Perekodan Lembaran Untung Rugi Perniagaan
Wan Khazani Wan Kamarudin, Faridah Jaafar, dan Nor Afzan Ab. Ghani

ED64 146-153

Pengaruh Pandemik Covid 19 Terhadap Pelaksanaan Projek Akhir Pelajar Diploma Kejuruteraan Awam
Suhaila Azura binti Abd Salam, dan Rahayu binti Mhd Adnan

ED66 154-159

The Role of Institutional And Online Learning Satisfaction
Noor Azira Binti Sawal, Mas Nordiana Binti Rusli and Norazlina Binti Daut

ED67 160-167

Peningkatan Kemahiran dan Pencapaian Pelajar dalam Amali Bridge Rectifier Circuit Melalui Pelaksanaan Video Simulasi Menggunakan Aplikasi Autodesk Tinkercad
Azrin Nur Farhana Abdullah Din, Rahmah Khamis dan Mohd Azali Zainal Abidin

ED70 168-173

Rekabentuk Pembangunan Aplikasi Kebarangkalian Bagi Pembelajaran dan Pengajaran Matematik
Fatim Fauziani binti Hussin, Izlin Zuriani binti Ishak

ED74 174-180

Inovasi Single Phase Electrical Wiring Trainer Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Litar Pendawaian Elektrik
Zarina Binti Haji Ibrahim and Rohaizan Bin Saher

ED82 181-184

Inovasi Basic Electrical Circuit Trainer Sebagai Alat Bantu Mengajar Dalam Proses

PdP Bagi Kursus DET10013-Electrical Technology
Zarina Binti Haji Ibrahim and Rohaizan Bin Saher

ENVIRONMENTAL SCIENCE

ES06 185-194
The Acceptance Of Cool Bag and Tote Bag Derived From Disposable Face Mask As
To Fulfill The Needs Of Hospitality Project Course
Izatul Syazreen bt Mohd Ismail

ICT & MEDIA

IT04 195-201
Kajian Perbandingan MySQL Dan Firebase Dalam Pembangunan Aplikasi
Farihan Elyana Binti Zahari

SCIENCE SOCIAL

SS17 202-209
Amalan Dan Masalah Kewangan Dalam Kalangan Pekerja Semenanjung Malaysia
*Noorlaili Binti Mohd Kassim, Sarizun Binti Mohamad Sidek, dan Natasya Mariz Binti
Mohamed*

TOURISM AND HOSPITALITY

TH04 210-216
COVID-19: The Impact on Economic For Travel Agency Operators In Kuala
Terengganu
Nur Adlina Mohd, Isyati Suparman and Wan-Zainal-Shukri

THEME: SCIENCE SOCIAL

SS17-

AMALAN DAN MASALAH KEWANGAN DALAM KALANGAN PEKERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

Noorlaili Binti Mohd Kassim¹, Sarizun Binti Mohamad Sidek², Natasya Mariz Binti Mohamed¹

¹Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

²Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Abstrak

Berdasarkan data perangkaan PERKESO seramai 140,608 orang hilang pekerjaan akibat pandemik COVID-19 bagi tempoh Mac hingga 20 Ogos 2020 yang lalu. Bagi individu yang mempunyai pekerjaan pula didapati sukar menampung kos hidup yang tinggi rentetan dengan harga barang keperluan yang semakin tinggi. Pengurusan kewangan yang lemah menyumbang kepada masalah kewangan yang mungkin akan berlarutan dan menjejaskan kehidupan dimasa akan datang. Masalah kewangan dan risiko dibebani hutang boleh menimpa sesiapa sahaja jika mereka tidak tahu cara bagaimana hendak menguruskan kewangan secara berhemah. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji pengetahuan, amalan dan masalah kewangan dalam kalangan pekerja di Semenanjung Malaysia. Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah kaedah tinjauan berbentuk deskriptif. Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 310 kakitangan kerajaan dan swasta yang dipilih secara kaedah persampelan rawak bagi membantu dalam kajian ini. Setiap responden dikehendaki menjawab soal selidik secara atas talian menggunakan 'Google Form'. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS). Dapatan kajian mendapati secara keseluruhan tahap pengurusan kewangan dalam kalangan pekerja di Semenanjung Malaysia pada tahap yang sederhana. Ini kerana terdapat majoriti pekerja kurang kesedaran membuat pelaburan dan simpanan. Implikasinya, responden akan mengalami masalah keberhutangan yang serius jika berlaku musibah tanpa dijangka. Hasil kajian ini dijangka dapat membantu meningkatkan kesedaran semua pihak tentang pengurusan kewangan di kalangan masyarakat dan pekerja umumnya. Kerajaan dan syarikat juga boleh melaksanakan berbagai kursus dan program dalam usaha menangani masalah kewangan pekerja. Implikasi dari kajian ini dijangka dapat membantu meningkatkan kesedaran semua pihak tentang pengurusan kewangan di kalangan masyarakat dan pekerja umumnya.

Katakunci : pengurusan kewangan, masalah kewangan, pekerja

1. Pengenalan

Pengetahuan mengenai pengurusan kewangan adalah sangat penting kerana hampir setiap urusan seharian melibatkan aspek kewangan. Pengurusan kewangan menurut Abdul-Rahman, (2016) bermaksud satu seni dan sains yang diaplikasikan organisasi dan individu dengan menggunakan teori ekonomi dan objektif perakaunan.

Menurut Hussin dan Nik Nurul Amni, (2012), wang adalah satu aset yang memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian kita. Oleh itu, ia perlu diuruskan dengan baik untuk kesejahteraan dan kualiti hidup. Sebagai pekerja yang bijak dalam menguruskan kewangan, seseorang itu haruslah mempunyai ilmu pengetahuan mengenai literasi kewangan sama ada berbentuk simpanan/tabungan, perbelanjaan, pengurusan hutang yang bijak, pengurusan risiko atau perlindungan insurans/takaful dan juga pelaburan.

Kurangnya pengetahuan dalam menguruskan aspek kewangan peribadi merupakan salah satu sebab muflis dalam usia muda. Semakin ramai belia yang muflis di usia muda kerana menanggung bebanan hutang yang amat serius (Nurauliani *et al*, 2015). Bagi individu yang mempunyai pekerjaan pula didapati sukar menampung kos hidup yang tinggi rentetan dengan harga barang keperluan yang makin tinggi. Pengurusan kewangan yang lemah menyumbang kepada masalah kewangan yang mungkin akan berlarutan bagi setiap individu. Oleh kerana cabaran hidup masa depan semakin sukar, maka pengurusan wang setiap individu tidak boleh dipandang remeh (Zulnaidi, 2010).

Banyak faedah yang akan diperolehi jika seseorang itu mampu merancang dan mengurus kewangannya dengan baik. Antaranya ialah seseorang itu akan lebih berupaya untuk menguruskan hutang dan perbelanjaan serta mengelakkan kebangkrutan mahupun kebergantungan kepada orang lain (Zuriana & Rosniyati, 2012). Literasi kewangan juga merupakan salah satu instrumen yang boleh diukur untuk menilai kemahiran pengurusan kewangan di kalangan pelajar universiti.

Merujuk kepada Buletin Ringgit terbitan usahasama antara FOMCA dan Bank Negara Malaysia Edisi 2018 menyatakan bahawa formula pengurusan kewangan 30:10, iaitu membahagikan pendapatan kepada 4 bahagian; tiga bahagian 30% dan satu bahagian 10%. Formula tersebut berdasarkan kepada 30% untuk simpanan, pelaburan dan perlindungan, 30% untuk hutang dan simpanan perbelanjaan, 30% untuk perbelanjaan dan 10% untuk penyucian harta. Formula pengurusan kewangan ini sedikit sebanyak akan memudahkan perjalanan individu untuk mencapai matlamat kewangan dengan lebih baik. Kedudukan kewangan mungkin akan lebih stabil malah mungkin ada lebih untuk simpanan sekiranya perancangan dan pengurusan kewangan dibuat dengan

lebih sistematik. (Zulnaidi, 2010). Hasil daripada pengurusan kewangan yang baik, seseorang individu itu mampu untuk meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup. Konsep kesejahteraan secara umumnya dirujuk sebagai satu bentuk pengukuran kualiti hidup yang diukur secara psikologi (internal) yang melibatkan beberapa dimensi seperti kegembiraan, kepuasan hidup, harga diri, kecekapan diri, kehidupan berkeluarga, pekerjaan, pendidikan dan kewangan (Zaimah *et al.*, 2012).

1.1 Pernyataan Masalah

Golongan pekerja muda merupakan komposisi terbesar penduduk di Malaysia dan menjadi pelapis negara di masa akan datang terutamanya dalam usaha menuju ke arah negara maju. Namun begitu, merujuk kepada dapatan Jabatan Insolvensi Malaysia, seramai 134,550 individu diisytiharkan muflis antara tahun 2007 sehingga Jun 2014. Laporan kajian Pantauan Ekonomi Malaysia Disember 2019 yang diterbitkan Bank Dunia pula menganggarkan sejumlah 60 peratus daripada keseluruhan individu muflis di Malaysia adalah dari golongan muda berumur 25 hingga 44 tahun. Ini adalah akibat daripada tabiat suka berbelanja melebihi pendapatan. Sikap buruk berkenaan disifatkan berbahaya kepada golongan millennial jika dibiarkan berterusan tanpa pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan. (Berita Harian, 2019)

Sesiapa saja boleh mengalami masalah kewangan dan berisiko dengan hutang jika mereka tidak tahu bagaimana untuk menguruskan kewangan secara berhemah. Namun, seseorang individu dapat merancang pendapatan dengan lebih baik melalui pengurusan kewangan yang bijak. Antara yang menyumbang kepada tabiat hutang yang tidak terkawal adalah seperti hutang kad kredit, pinjaman peribadi, kereta dan peniagaan selain daripada tahap literasi kewangan yang rendah. Peningkatan kos sara hidup dan pendapatan isi rumah yang tidak stabil juga turut menjadi salah satu penyebab kepada bebanan hutang. Selain itu juga, sebanyak 82.7 peratus daripada KDNK pada tahun 2019 melaporkan bahawa hutang isi rumah berada pada tahap yang tinggi. Menurut Sofia (2021), tahap kecekapan kewangan rakyat Malaysia juga tidak memuaskan terutamanya dalam kalangan belia. Kurangnya ilmu pengurusan kewangan boleh membawa pelbagai kesan buruk di masa akan datang. Sehubungan dengan itu kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti amalan pengurusan kewangan dan mengkaji masalah pengurusan kewangan di kalangan pekerja di Semenanjung Malaysia.

1.2 Objektif Kajian

- i. Menenalpasti tahap amalan pengurusan kewangan dalam kalangan pekerja di Semenanjung Malaysia.
- ii. Menenalpasti tahap masalah pengurusan kewangan dalam kalangan pekerja di Semenanjung Malaysia.

1.3 Signifikan Kajian

Kajian ini akan dapat membantu mengenalpasti tahap amalan pengurusan kewangan serta mengenalpasti tahap masalah pengurusan kewangan yang dihadapi oleh pekerja di Semenanjung Malaysia supaya dapat mengurangkan isu krisis pengurusan kewangan dalam golongan muda di Malaysia.

2. Kajian Literatur

Dibawah Akta Pekerjaan 1955, pekerja merupakan mana-mana orang yang telah mengikat kontrak pekerjaan dengan majikan tanpa mengira jenis pekerjaan dan mendapat gaji bulanan tidak melebihi RM1,500 sebulan. Akta ini menetapkan bahawa pekerja adalah mana-mana orang, tanpa mengira had gajinya, yang telah menandatangani kontrak perkhidmatan dengan majikan buruh kasar. Menurut Akta Pekerjaan 1955 juga, pekerja adalah mereka yang di bawah kontrak perkhidmatan (Contract of Service) dan bukannya kontrak bagi perkhidmatan (Contract for Service).

Pendidikan dan pengalaman memberikan impak yang besar ke atas literasi kewangan. Jika seseorang mempunyai tahap literasi kewangan yang tinggi, bermaksud individu tersebut mampu untuk menguruskan perbelanjaannya. Dalam kajian yang telah dilakukan oleh Azizah *et al.*, (2013) menyatakan bahawa tahap pengetahuan kewangan individu mempengaruhi pelan kewangan individu seperti rancangan perbelanjaan dan bajet.

Literasi kewangan adalah pengetahuan yang paling asas berkaitan kewangan yang diperlukan oleh individu untuk bertingkah laku dalam masyarakat. Individu yang mampu menguruskan kewangan dengan baik akan dapat meningkatkan taraf hidup mereka. Faktor jaminan dari segi kewangan dikatakan antara penyebab seseorang individu merasa lebih gembira selain faktor kesihatan, status ekonomi, pekerjaan dan hubungan kekeluargaan.

Menurut kajian oleh Abdullah *et al.*, (2013), mereka mendapati pekerja muda mempunyai tahap masalah kewangan yang lebih rendah. Ini menunjukkan bahawa pekerja muda tidak terbeban dengan masalah kewangan yang serius sehingga boleh menjejaskan kehidupan mereka. Dalam kajian itu juga menunjukkan tahap amalan pengurusan kewangan berada dalam julat peratusan yang seimbang antara tahap amalan sederhana dan tinggi. Amalan pengurusan kewangan yang baik dapat melatih individu menguruskan bebanan hutang dengan lebih baik.

Dapatan kajian oleh Ishak *et al.*, (2020) menunjukkan tahap literasi kewangan dalam kalangan pekerja sektor awam berada pada tahap pengetahuan yang tinggi. Pekerja sektor awam sedar akan kepentingan pengurusan kewangan yang lebih mahir dan teratur akan mampu untuk mengawal aliran perbelanjaan kearah yang lebih baik. Selain itu mereka juga diberi pendedahan dalam pengurusan kewangan peribadi yang mana ia akan membantu untuk meningkatkan tahap celik kewangan. Walaupun begitu, apabila tiada alternatif sokongan pendapatan untuk menampung perbelanjaan harian, agak sukar bagi individu untuk

mengawal perbelanjaan mereka. Ini boleh dilihat melalui hasil dapatan kajian yang menunjukkan tingkah laku dan keupayaan serta sikap kewangan para responden masih berada pada tahap sederhana.

Norfitriah dan Nurul Husna (2015) merumuskan kajiannya bahawa responden mengakui kepentingan ilmu pengetahuan mengenai pengurusan kewangan menjadi asas dalam kehidupan seharian. Kesedaran responden adalah pada tahap sederhana tentang akibat sekiranya tidak mengamalkan pengurusan kewangan yang bijak. Mereka didapati kurang mengamalkan pengurusan kewangan yang cekap dan sistematik. Ini dapat dilihat apabila kebanyakannya masih gagal membezakan di antara keperluan dan kehendak dalam membuat sesuatu perbelanjaan. Dalam kajian oleh Syakirah dan Zaimah (2021) mengatakan bahawa tingkah laku kewangan responden didapati berada pada tahap yang sederhana. Mereka didapati kurang mengamalkan pengurusan kewangan yang cekap dan sistematik. Ini dapat dilihat apabila kebanyakannya masih gagal membezakan di antara keperluan dan kehendak dalam membuat sesuatu perbelanjaan.

Dari perspektif lain, tekanan kewangan mungkin tidak semestinya menjadi isu negatif. Malah, ia mungkin menjadi sumber motivasi untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan yang sebaliknya boleh membantu menyelesaikan kewangan. Kesusahan kewangan mungkin timbul akibat tekanan kewangan yang semakin meningkat. Masalah kewangan mungkin bertambah buruk jika pendapatan yang diperoleh tidak mencukupi untuk menampung keperluan hidup. Tambahan pula, kekurangan pengetahuan dan kemahiran untuk menguruskan kewangan peribadi akan memburukkan lagi tekanan. Apabila tekanan berada di luar kawalan individu, keadaan menjadi kritikal di mana dia berhenti membayar bil, menerima notis tidak membayar hutang dan panggilan daripada pemiutang dan ejen pemulihan hutang. Seterusnya, kesusahan kewangan juga boleh membawa kesan kepada kesihatan, fungsi dan kualiti kehidupan perkahwinan dan produktiviti pekerja (Kim & Garman, 2004).

3. Metodologi Kajian

Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah kaedah tinjauan berbentuk deskriptif. Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 310 kakitangan kerajaan dan swasta yang dipilih secara kaedah persampelan rawak. Pada peringkat permulaan penyelidik telah menjalankan kajian rintis ke atas 30 orang responden untuk menentukan kadar kebolehpercayaan item dalam kaji selidik. Keputusan ujian kesahan dan kebolehpercayaan dalam konteks item *Cronbach Alpha* adalah 0.786. Soal selidik ini boleh diterima pakai kebolehpercayaannya jika nilai Cronbach Alpha melebihi 0.70 (Berger,2015).

Peringkat seterusnya penyelidik telah menyediakan soalan kaji selidik menggunakan kaedah Google Format atas talian. Ini bertujuan memudahkan penyelidik mendedarkan soalan dan mendapatkan maklum balas Skala daripada responden dengan lebih mudah dan pantas. Setiap responden dikehendaki menjawab soal selidik secara atas talian menggunakan 'Google Form'. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini merupakan satu set soal selidik yang dibentuk dan diubahsuai berdasarkan kajian lepas. Soal selidik tersebut terdiri daripada 3 bahagian yang merangkumi latar belakang, amalan pengurusan kewangan dan masalah kewangan. Likert 3 mata digunakan berdasarkan soal selidik yang digunakan oleh Abdullah et al., (2013). Sugiyono (2006) pula mengatakan bahawa skala likert dipergunakan untuk mengukur sikap, pendapat, dan persepsi terhadap inidividu atau kelompok terkait dengan fenomena sosial yang sedang menjadi objek penelitian.

Latar belakang responden merangkumi jantina, kategori pekerjaan sektor awam atau swasta, umur, etnik, tahap pendidikan, status perkahwinan, pendapatan bulanan dan lokasi kawasan kediaman. Amalan pengurusan kewangan mempunyai 12 item dan menggunakan skala "Tidak Pernah", "Kadang-kadang Pernah" dan "Kerap". Manakala bahagian masalah kewangan terdiri daripada 17 item juga menggunakan skala "Tidak Pernah", "Kadang-kadang Pernah" dan "Kerap". Data yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS). Perbincangan hasil kajian adalah secara deskriptif dan dapatan kajian dibentangkan dalam bentuk jadual. Analisis terperinci dilakukan untuk menentukan kaitan amalan pengurusan kewangan responden dengan masalah pengurusan kewangan yang dihadapi.

4. Dapatan dan Analisis Kajian

Terdapat 310 responden yang menjawab kajian. Jadual 1 merupakan latar belakang responden. Sama peratusan bagi pekerja yang datangnya dari sektor awam (50%) dan swasta(50%) di mana majoriti adalah perempuan iaitu sebanyak 72.9%. Bagi kategori umur pula menunjukkan kebanyakan responden berada dalam lingkungan umur 30-49 tahun iaitu sebanyak 58.4%. Untuk kumpulan etnik majoritinya iaitu 94.2 % adalah daripada kaum Melayu.

Kebanyakan responden adalah berkelulusan Ijazah Sarjana Muda iaitu 40% dan Sijil/Diploma seramai 117 orang iaitu 37.7% dengan status diri majoritinya iaitu 72.9% telah berkahwin. Paling ramai responden iaitu 66.4% (206 orang) berpendapatan antara RM1,000-RM5,000. Walaubagaimanapun hanya 8.7% responden mempunyai pendapatan melebihi RM7,000. Seramai 52.3% atau 162 responden mendiami kawasan bandar besar manakala hanya 2 orang responden (0.6%) tinggal di pendalaman.

Profil Responden	Frekuensi (N=310)	Peratus(%)
Sektor pekerjaan		
Awam	155	50
Swasta	155	50

Jantina		
Lelaki	84	27.1
Perempuan	226	72.9
Umur		
20-29 tahun	80	25.8
30-39 tahun	91	29.4
40-49 tahun	90	29
50-59 tahun	45	14.5
<60 tahun	4	1.3
Etnik		
Melayu	292	94.2
India	2	0.6
Cina	2	0.6
Pendidikan		
Sekolah Menengah	48	15.5
Sijil/Diploma	117	37.7
Ijazah Sarjana	124	40
Muda	21	6.8
Sarjana/Doktor		
Falsafah		
Status		
Berkahwin	226	72.9
Bercerai/Berpisah	8	2.6
Balu/Duda	8	2.6
Bujang	68	21.9
Pendapatan		
<RM1,000	22	7.1
RM1,001-RM3,000	121	39
RM3,001-RM5,000	85	27.4
RM5,001-RM6,000	55	17.7
>RM6,000	27	8.7
Lokasi		
Bandar Besar	162	52.3
Pinggir Bandar	92	29.7
Kampung	54	17.4
Pendalaman	2	0.6

Jadual 1 : Latar Belakang Responden

Jadual 2 pula adalah kajian amalan pengurusan kewangan responden dengan 10 item yang diukur. Pada dasarnya soalan yang diberikan berkaitan dengan matlamat kewangan, simpanan, pelaburan, insurans, rekod kewangan, persaraan dan beberapa aspek lain. Seramai 43.2% responden kadang-kadang pernah menyimpan rekod perbelanjaan. Begitu juga 42.6% responden kerap menyimpan rekod perbelanjaan. Bagi perancangan perbelanjaan pula kebanyakan responden sememangnya merancang perbelanjaan sebelum membelanjakan wang iaitu seramai 72.3%. Apa yang mendukacitakan adalah majoriti responden tidak pernah membuat pelaburan contohnya yang paling kurang risikonya seperti Amanah Saham Bumiputera iaitu 63.9%. Berkemungkinan pendapatan mereka dari kategori B40 yang mana gaji dan pendapatan mereka adalah pada RM4,360 dan ke bawah menyebabkan sukar responden untuk menyimpan. Hanya 27.3% responden pernah ke kedai pajak gadai untuk membuat pelaburan bagi pembelian emas baru. Mengikut Bhushan (2014) menyatakan bahawa individu mempunyai tahap literasi yang rendah lebih berminat untuk melabur di dalam pelaburan yang tradisional dan kurang pengetahuan berkaitan pelaburan yang lebih berisiko. Mereka ini masih perlu didedahkan dengan pengetahuan pelaburan seperti saham, stok atau bon. Lebih separuh daripada responden iaitu 55.20% berumur di bawah 40 tahun di mana umur yang kurang pengalaman hidup. Berdasarkan kajian Mahdzan dan Tabiani, (2013) didapati bahawa pengetahuan kewangan mempunyai hubungan yang signifikan dengan

kadar simpanan. Individu yang mempunyai tahap kewangan yang tinggi akan mempunyai simpanan yang tetap. Ini kerana mereka mempunyai pengetahuan dalam menguruskan kewangan peribadi mereka. Dalam hal ini terbukti pengalaman yang cetek dalam pelaburan menyebabkan kurang kesedaran kepada mereka untuk melabur dan menyimpan.

Keperluan asas dalam hidup seperti air dan elektrik didapati hampir keseluruhan responden membayar dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 58.1%. . Dapatan kajian juga mendapati 85.8% responden belu mencuba melangsaikan pinjaman atau hutang dengan lebih awal. Kajian lanjut perlu diteruskan untuk memastikan samada responden kekurangan informasi contohnya akaun kedua KWSP boleh digunakan untuk membayar hutang perumahan atau PTPTN atau kebanyakan responden simpanan kewangan mereka sangat sedikit. Begitu juga kemampuan dan keperluan membuat bayaran cukai atau zakat di mana 81.3% responden tidak pernah membayar zakat atau cukai. Ini dapat dibuat kesimpulan bahawa majoriti responden belum layak membayar komitmen ini.

Dapatan kajian ini dikukuhkan lagi dengan item no 9 di mana 76.1% responden tidak langsung memperuntukkan wang dengan membuat simpanan sekurang-kurangnya 10% sebulan. Boleh dianggap kebanyakannya ada membuat simpanan tetapi kurang daripada 10% itu. Asas bagi yang baharu bekerja, misi pertama dalam menyimpan adalah untuk mewujudkan dana kecemasan. Selepas mempunyai dana kecemasan yang mencukupi, mereka boleh membuat pelaburan untuk mengembangkan dan mengukuhkan lagi kedudukan kewangan.(Buletin Ringgit,2018). Apa yang memeranjatkan juga tanggungjawab responden terhadap kedua ibubapa seperti memberi wang bulanan secara konsisten masih kurang di mana 63.2% responden didapati tidak pernah memberi wang kepada orangtua masingmasing. Sungguhpun begitu terdapat 4.5% yang masih bermurah hati menyumbang kepada ibubapa atau individu atau ke institusi secara konsisten. Pihak kerajaan terus menjadikan pendidikan sebagai agenda utama pembangunan insan dan negara. Maka, pendidikan kepada anak anak muda bagi menghormati dan membalas budi orang tua perlu diutamakan dan perlu dirancang dengan teliti.

No	Amalan Pengurusan Kewangan	Tidak Pernah	Kadang - kadang pernah	Kerap
1	Menyimpan rekod perbelanjaan	14.2%	43.2%	43%
2	Rancang perbelanjaan atau bajet	19.0%	25.8%	72%
3	Membuat pelaburan setiap bulan (eg.ASB/Raiz/Wahed/Octafx/dsb)	63.9%	34.2%	19%
4	Pajak emas untuk pelaburan	55.2%	19.0%	0%
5	Pembayaran pinjaman/kredit dibuat mengikut jadual	55.2%	27.3%	17%
6	Membayar semua bil dalam tempohnya(bil utiliti seperti air dan elektrik)	41.9%	39.4%	19%
7	Cuba untuk melangsaikan pinjaman/hutang lebih awal	85.8%	12.3%	19%
8	Membuat bayaran zakat/cukai	81.3%	16.8%	19%
9	Memastikan anggaran simpanan 10% daripada pendapatan setiap bulan	76.1%	21.3%	26%
10	Memberi wang bulanan kepada kedua orang tua/Menderma ke individu/institusi secara konsisten.	63.2%	32.3%	45%

Jadual 2 : Amalan Pengurusan Kewangan

Dalam Jadual 3 pula analisa dilaksanakan bagi mengkaji masalah kewangan responden. Kajian mendapati 65.% responden kadang kadang pernah meminjam wang daripada keluarga apabila terpaksa. Hanya 20% tidak pernah langsung meminjam. Apa yang mengembirakan hampir kebanyakan responden iaitu 78.1% tidak pernah meminjam daripada ceti/peminjam tidak berlesen. Ini menunjukkan responden masih boleh berfikir dengan waras apabila kesempitan wang. Untuk rawatan diri dan kesihatan pula kajian mendapati 74.8% responden tidak ada langsung membeli insurans perlindungan samada diri, kemalangan atau kematian. Dengan itu separuh daripada responden tidak mampu mendapatkan rawatan di pusat purabatan swasta(51%). Cuma 5.2%(16) responden yang kerap tidak mampu membayar bil-bil utiliti. Apapun berkemungkinan mereka ini salah memahami soalan pengkaji untuk item ini. Majoriti responden tidak pernah cuai daripada membayar ansuran hutang, menerima notis lewat bayar bagi pinjaman seperti pinjaman rumah atau kereta berdasarkan item no 6 hingga 8. Kajian juga mendapati anggaran 80% responden tidak pernah meminjam untuk membeli barang keperluan atau menggunakan simpanan kecemasan dan jangka panjang untuk membeli barang keperluan. Dapatan juga menunjukkan majoriti responden menyimpan wang kurang daripada 10% dari jumlah pendapatan bulanan iaitu 77.4% .

Sementara itu hampir keseluruhan responden merasakan kadang-kadang mereka pernah belanja melebihi pendapatan iaitu jika diukur dari kajian 94.8% mengakuinya. Majoriti daripada responden juga mengakui kadang-kadang pernah berhutang sebelum mendapat gaji, berselisih faham dengan pasangan berkaitan hal kewangan, tidak pernah dapat menumpukan perhatian kepada kerja kerana masalah kewangan, meminjam wang daripada keluarga atau bergantung kepada kerja sampingan untuk membiayai sara hidup. Mereka juga kadang-kadang pernah gagal mendapat pinjaman kerana laporan kredit tidak memuaskan.

No	Masalah Kewangan	Tidak Pernah	Kadang-kadang pernah	Kerap
1	Meminjam wang dari keluarga, teman, saudaramara, majikan bila sesak	20.0%	65.2%	14.8%
2	Meminjam wang daripada ceti/peminjam tidak berlesen	78.1%	20.0%	19.0%
3	Tidak mampu untuk membeli insurans (melainkan insurans kenderaan)	74.8%	24.5%	6.0%
4	Tidak mempunyai cukup wang untuk rawatan perubatan swasta	26.5%	51.0%	22.6%
5	Tidak mampu untuk membayar bil-bil utiliti (air, elektrik, telefon)	47.1%	47.7%	5.2%
6	Tidak berupaya membayar ansuran hutang	69.0%	29.7%	1.3%
7	Menerima "notis lewat" atau panggilan telefon daripada pemiutang/bank	63.2%	33.5%	3.2%
8	Membayar hutang selepas tarikh ditetapkan	71.6%	26.5%	1.9%
9	Guna simpanan untuk keperluan harian	83.9%	12.9%	3.2%
10	Pinjam untuk beli barang keperluan	80.0%	18.1%	61.9%
11	Ambil hutang baru untuk tampung hutang lama	58.7%	30.3%	11.0%
12	Menyimpan kurang 10% daripada jumlah pendapatan bulanan anda	0.0%	77.4%	22.6%
13	Belanja melebihi pendapatan	0.0%	94.8%	5.2%
14	Berhutang sebelum mendapat gaji	0.0%	98.7%	1.3%
15	Berselisih faham dengan pasangan berkaitan hal kewangan	0.0%	96.8%	3.2%
16	Tidak dapat tumpu perhatian kepada kerja kerana masalah kewangan	0.0%	98.1%	1.9%
17	Gagal mendapat pinjaman kerana laporan kredit tidak memuaskan	0.0%	96.8%	3.2%
18	Meminjam wang daripada keluarga atau kawan untuk membayar hutang	0.0%	89.0%	1.9%
19	Bergantung kepada kerja sampingan, kerja lebih masa, komisen/bonus untuk membiayai sara hidup	0.0%	89.0%	11.0%

Jadual 3 : Masalah Kewangan

5. Kesimpulan Dan Cadangan

Amalan pengurusan kewangan menjadi bahagian yang paling penting dalam pengurusan perbelanjaan seseorang individu. Ini kerana pengurusan yang bijak dan berhemah dapat mengelakkan individu tersebut daripada menghadapi masalah kewangan yang berlarutan. Secara keseluruhan tahap amalan pengurusan kewangan di kalangan pekerja di Semenanjung Malaysia adalah pada tahap sederhana. Daripada dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan lebih dari separuh majoriti pekerja membuat

perancangan dan menyimpan rekod perbelanjaan. Segala perancangan perbelanjaan yang dibuat terlebih dahulu dapat meningkatkan keyakinan diri dalam mengawal sebarang perbelanjaan yang tidak berkepentingan. Pengurusan kewangan yang baik adalah merujuk kepada kemampuan individu memperuntukan perbelanjaan terhadap sebarang bentuk pinjaman pembiayaan (Fan *et al.*, 2019).

Senario berhutang dalam kalangan pekerja muda amat membimbangkan dan pengurusan hutang perlu dititikberatkan (Nuraini & Mohamad Fazli, 2016). Kurangnya kesedaran membuat pelaburan dan simpanan menyebabkan implikasi terhadap responden akan mengalami masalah keberhutangan yang serius jika berlaku musibah tanpa dijangka. Ini disokong melalui kajian oleh Chen *et al.*, (2018) yang mendapati pendidikan kewangan yang baik akan mempengaruhi pengetahuan kewangan dan ianya akan mengubah sikap dan tingkah laku dalam menguruskan wang. Menurut Rajna (2011) pula, pengetahuan kewangan akan memberikan kemahiran kepada seseorang individu untuk membuat keputusan kewangan dengan yakin dan menguruskan kekayaan peribadi dengan cekap.

Kajian ini turut memberi implikasi kepada beberapa pihak terutama kepada golongan muda. Golongan muda adalah yang paling senang terpengaruh dengan taikan-tarikan iklan barangan yang mewah dan terkini dipasaran. Kuasa membeli begitu tinggi tanpa mereka sedari bahawa pengurusan yang bijak perlu bagi mengawal dari terjerumus kepada masalah hutang yang berlebihan. Bagi menangani masalah terjerumus dalam hutang yang lebih parah, golongan muda perlu ada inisiatif sendiri seperti mengurangkan keinginan membeli keperluan yang tidak bermanfaat.

Implikasi dari kajian ini dijangka dapat membantu meningkatkan kesedaran semua pihak tentang pengurusan kewangan di kalangan masyarakat dan pekerja umumnya. Program-program kemasyarakatan boleh dilaksanakan bagi meningkatkan pengetahuan dan tingkah laku kewangan dalam setiap individu bagi membantu mereka mengurus kewangan diri dan keluarga Kerajaan dan syarikat juga boleh melaksanakan berbagai kursus dan program dalam usaha memupuk kesedaran dalam pengurusan kewangan dan menangani masalah kewangan pekerja seperti contoh menganjurkan kursus perancangan kewangan, seminar perancangan kewangan yang bijak dan pelaburan jangkamasa panjang.

Rujukan

- Abdullah, N., Sabri, M. F., Abdul Rahim, H., Muhammad Arif, A. M., & Zakaria, N. F. (2013) *Pengurusan Kewangan Dalam Kalangan Pekerja Muda*. Jurnal Pengguna Malaysia, 21. pp. 16-34. ISSN 1511-998X. Dimuat turun Disember 2021 dari <https://macfea.com.my/wpcontent/uploads/2020/12/JPM-21-Disember-2013-article-2.pdf>
- Abdul-Rahman, A., & Zulkifly, W. (2016). *Faktor Penentu Pengurusan Kewangan : Kes Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia*. Jurnal Personalia Pelajar, 19(2), 85–94.
- Azizah, O., Norashidah H. & Syahrina A. (2013). Perkembangan Ar-Rahnu di Terengganu: Kajian Kes Terhadap ArRahnu Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu. Prosiding PERKEM VIII, JILID 2 (2013) 951 – 959. ISSN: 2231-962X
- Berger, R., & Hanze, M. (2015). *Impact of Expert Teaching Quality on Novice Academic Performance in the Jigsaw Cooperative Learning Method*. International Journal of Science Education, 37(2), 294-320.
- Berita Harian, (2019). 60% Muflis Adalah Golongan Muda- Bank Dunia. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2019/12/637714/60-peratus-muflis-adalah-golonganmuda-bank-dunia>
- Bhushan, P. (2014). *Relationship between Financial Literacy and Investment Behavior o Salaried Individuals*. Journal of Business Management & Social Sciences Research. 3. 82-87. Dimuat turun daripada [https://www.ijbmi.org/papers/Vol\(7\)1/Version1/G0701014350.pdf](https://www.ijbmi.org/papers/Vol(7)1/Version1/G0701014350.pdf)
- Chen, C.Y., Siew, Y.Y., & Chu, K.W. (2018). *Financial Knowledge, Attitude and Behaviour of Young Working Adults in Malaysia*. Journal of Institutions and Economies, 10(4). Dimuat turun daripada file:///C:/Users/Guess/Downloads/download.pdf
- Fan, L., & Babiarz, P. (2019). *The Determinants of Subjective Financial Satisfaction and Moderating Roles of Gender and Marital Status*. 47(3). <https://doi.org/10.1111/fcsr.12297>
- Hussin, S. & Nik Nurul Amni, N.L. (2012). Kompetensi Pengurusan Kewangan dalam Kalangan Mahasiswa : Tinjauan Terhadap Pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Sains Sukan), UTM Skudai. Bachelor's Thesis, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ishak, A. R. , Mas Ayu, R., Abdullah, S.O. , Azmi, A. (2020). *Literasi Kewangan Pekerja Sektor Awam: Isu Dan Cabaran*. Advanced International Journal of Banking, Accounting and Finance (AIJBAF) Volume 2 Issue 3 (June 2020) PP. 13-25. Dimuat turun dari <http://www.aijbaf.com/PDF/AIJBAF-2020-03-06-02.pdf>
- Jabatan Insolvensi Malaysia (24 February 2011). *Kebankrapan di kalangan penjawat awam*. Jabatan Insolvensi Malaysia, Putrajaya.
- Jabatan Insolvensi Negara Statistik Muflis (2014). Dimuat turun daripada <https://www.insolvensi.gov.my/ms/JumpStartCoalition.2007.NationalStandardsinK-12PersonalFinanceEducation>.
- Kim J. & Garman E.T. 2004. *Financial stress, pay satisfaction and workplace performance*. *Compensation & Benefits Review*. 36(1): 69–76
- Mahdzan, N.S., Tabiani, S. (2013) *The Impact of Financial Literacy on Individual Saving:*

An Explanatory Study in Malaysian Context. Transformations in Business & Economics, 12(1), 41-44.

Mohamad Fazli, S., Nuraini, A., Thinagaran, M.D., & Othman, C.T. (2018). *Tingkah Laku Pengurusan Kewangan, Masalah Kewangan, Kesejahteraan Hidup Dan Program Sokongan Pengguna Di Wilayah Persekutuan Labuan*. *Jurnal Pengguna Malaysia*. 103-121. Dimuat turun daripada <https://macfea.com.my/wp-content/uploads/2018/11/Artikel-6-JPM-jilid-30-Jun-2018.pdf>

Nasuha, B.H. (2019, 11 Disember). *60% Muflis Adalah Golongan Muda - Bank Dunia*. Berita Harian Online. Dimuat turun dari <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2019/12/637714/60-peratus-muflis-adalah-golongan-muda-bank-dunia>

Nor Syahidah, N. & Norasmah, O. (2017). *Kualiti Pendidikan Pengurusan Kewangan Dengan Tahap Literasi Kewangan*. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* Vol. 1: no.1 (2017) page 183–193 | gbse.com.my | Eissn24621714 | Dimuat turun daripada <http://gbse.com.my/v1no1jan17/Paper-17-BM-.pdf>

Norfitriah, Z.A., & Nurul Husna, M.T. (2015). *Kajian Kompetensi Pengurusan Kewangan Peribadi di Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Kulim*. iCOMPEX'15. Dimuat turun dari https://www.academia.edu/25715362/KAJIAN_KOMPETENSI_PENGURUSAN_KEWANGAN_PERIBADI_DI_KALANGAN_PELAJAR_KOLEJ_KOMUNITI_KULIM

Nuraini, A., & Mohamad Fazli, S. (2016). *Faktor Peramal Pengurusan Hutang dalam Kalangan Pekerja Muda*. *International Journal of Education and Training (InJET)* 2(2) November: 1- 19. Dimuat turun dari <http://www.injet.upm.edu.my/images/volume/isunov2016/Faktor%20Peramal%20Pengurusan%20Hutang%20dalam%20Kalangan%20Pekerja%20Muda.pdf>

Nurauliani Jamlus Rafdi, Noor Aimi Mohamad Puad, Wan Shahdila Shah Shahar, Fadilah Mat Nor dan Wan Shazlinda Shah Shahar (2015). *Faktor-Faktor Muflis Di Kalangan Belia*. *Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015*. 16-17 November. e-ISBN: 978-967-0850-25-2

Pengurusan Kewangan Bagi Yang Baharu Bekerja. *Buletin Ringgit* (8,2018). ISSN 2180-3684. Dimuat turun daripada <https://www.bnm.gov.my/documents/20124//ec4b0e3d-7772-272f-c9d7-5e600662cf7f/>

Rajna, R. A. (2011). *Knowledge, Attitude, Practice And Satisfaction On Personal Financial Management Among The Medical Practitioners In The Public And Private Medical Services In Malaysia*. Tesis Sarjana Sains Perubatan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Dimuat turun daripada <https://banyantreemoneyacademy.com/images/P36892.pdf>

Sofia, A. (2021). *Ketidakpadanan Gaji Dan Kos Sara Hidup*. *Malaysia Now*. Dimuat turun daripada <http://www.malaysianow.com/wacana/2021/03/25/ketidakpadanan-gaji-dan-kos-sara-hidup/>

Syakirah Amni Nur Hasfazli, and Zaimah Ramli, (2021) *Pengetahuan Dan Tingkah Laku Kewangan Dalam Kalangan Miskin Bandar*. e-BANGI: *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 18(SI) (2). pp. 147-161. ISSN 1823-884x

Sugiyono. (2006). *Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif dan R & D*. Bandung : Alfabeta.

Zaimah R., Sarmila M.S, Azima A. M, Suhana S., Mohd Yusof H. & Lyndon N. (2012). *Kualiti Hidup dan Kesejahteraan Belia: Kajian ke atas Pekerja Sektor Awam Malaysia*. *Malaysia Journal of Society and Space*. 8 issue 6 (150-156).

Zulnaidi, Y. (2010). *Teknik Urus Wang Individu Berkesan*. Kuala Lumpur : Must Read Sdn Bhd Publication.

Zuriana, M., & Rosniyati, A.R. (2012). *Kajian Persepsi Pelajar terhadap Impak Kursus Pengurusan Kewangan Peribadi Jabatan Perdagangan*. Politeknik Port Dickson.